

BERITA HARIAN

DATE: 06 / 08 / 2007

PM ucap tahniah kepada Dr M

BH- 6/8/2007

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi membuat kejutan dengan mengucapkan tahniah kepada Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, sempena ulang tahun perkahwinan mereka ke-51 semalam.

Perdana Menteri membuat pengumuman itu ketika berucap merasmikan Dialog antarabangsa Langkawi (LID) 2007 kelapan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri.

Bekas Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah yang duduk di meja utama majlis itu menyambut ucapan tahniah dengan melemparkan senyuman dan kelihatan terkejut.

Kira-kira 500 tetamu, termasuk kira-kira 10 ketua negara dan kerajaan yang kebanyakannya dari negara Afrika kemudian memberikan mereka tepukan gemuruh. Pasangan itu berkahwin pada 5 Ogos 1956.

Ketika diminta mengulas, Dr Mahathir berkata beliau sangat berterima kasih.

"Terima kasihlah, saya tak sangka dia tahu," katanya.

Menjawab soalan sama ada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk meraikannya, Dr Mahathir menjawab: "(Saya tiada) rancangan, tetapi saya sangat gembira."

Abdullah berkata beliau hanya mengucapkan tahniah kepada pasangan itu sambil menyatakan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah memberi sumbangan besar kepada komuniti LID. - Bernama